From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM DAPAT EMAS PERTAMA SUKIPT 2026
Date: Wednesday, 2 September, 2026 7:57:12 AM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

2 SEPTEMBER 2026 / 20 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Kori Ariff
Gambar oleh: Pusat Sukan UUM

UUM DAPAT EMAS PERTAMA SUKIPT 2026



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Skuad petanque Universiti Utara Malaysia (UUM) menutup tirai saingan di Arena Petanque Taman Pudu Ulu pada 31 Ogos lalu dengan penuh bergaya apabila berjaya mendedikasikan kejayaan manis sempena Hari Kebangsaan lewat penguasaan satu pingat emas dan dua pingat perak.

Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2026 menyaksikan ketahanan mental serta ketepatan balingan atlet UUM menjadi penentu kejayaan di saat-saat kritikal, sekali gus menewaskan saingan sengit daripada institusi pengajian tinggi lain.



Gandingan Aina Farzana Md Asmawi dan Nurul Amira Mhd Jaafar menjadi watak utama kejayaan ini selepas mengungguli acara Double Wanita untuk merawat impian emas kontinjen UUM.

Dua lagi pingat perak masing-masing disumbangkan melalui acara Single Wanita oleh Nur Alya Maisarah Syamsudin dan Double Lelaki oleh Muhammad Amir Fuhairah Saidi dan Mohamad Zulhaizzad Mohd Zin.



Pencapaian cemerlang ini mencerminkan komitmen tinggi barisan jurulatih dan pengorbanan atlet serta sokongan padu Pusat Sukan UUM.

Suntikan semangat daripada kejayaan ini dijangka menjadi pembakar semangat buat kontinjen UUM untuk meneruskan pemburuan pingat dalam baki saingan SUKIPT 2026.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.